

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG  
WEI SHIEN (JULAU)**

**SOALAN NO. 237**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kerajaan untuk meningkatkan kadar peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di Pakan dan Julau, berikutan dengan kenyataan dari Menteri Pembangunan Luar Bandar yang mengatakan Pakan merupakan daerah paling miskin di Malaysia dengan pendapatan per kapita sebanyak RM2,750.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Program karnival kerjaya yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak pada setiap tahun sememangnya akan memfokuskan kepada bahagian/daerah yang mempunyai kapasiti penduduk yang ramai namun dalam masa yang sama turut memberi peluang yang sama kepada penduduk tempatan yang tinggal di bahagian/daerah yang kecil. Bagi tahun 2018, Program Karnival Kerjaya Sarikei telah diadakan Sarikei Innovation Centre pada 21 April 2018 yang memberi peluang pekerjaan kepada pencari kerja sekitar Sarikei dan Sibu. Program berkenaan disertai 25 majikan serta menawarkan 1004 kekosongan jawatan. Pada program berkenaan 126 orang pencari kerja berjaya mendapat pekerjaan.

2. JTK Sarawak juga telah mengadakan Program Karnival Kerjaya Peringkat Sibu pada 13 Oktober 2018 (Sabtu) bertempat di

## SOALAN NO: 237

Dewan Suarah Sibul melibatkan seramai 20 majikan tempatan menawarkan 1676 kekosongan jawatan termasuk majikan daripada luar Bahagian Sibul yang akan menyertai program ini. Pada program ini seramai 356 orang calon berjaya mendapat pekerjaan. Sasaran pencari kerja adalah disekitar Sibul, Sarikei dan juga Mukah yang hadir.

3. Penganjuran program di kawasan luar bandar bagi memberi peluang kepada rakyat setempat membolehkan pencari kerja tidak perlu keluar ke bandar-bandar besar untuk mendapatkan pekerjaan. Namun tidak boleh dinafikan apabila pencari kerja ini mendapat sesuatu pekerjaan, maka para belia ini akan meninggalkan kampung mereka dan berhijrah ke bandar-bandar besar dan menyebabkan mobiliti buruh yang memberi kesan yang positif kepada kehidupan pencari kerja sendiri.